

BAB 2

# PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI





# PERUTUSAN

## PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

Assalamualaikum dan Salam Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan UniMAP

Bismillahir Rahmanir Rahim

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih. Sesungguhnya segala pujian itu milik Allah Azza wa Jalla Pemerintah sarwa jagat. Seperangkat selawat dan salam diucapkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad (s.a.w.), para sahabat dan anggota keluarga Baginda. Setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua anggota pengurusan dan jawatankuasa pelaksana yang terlibat dalam menerbitkan Buku Laporan Tahunan UniMAP Bagi Tahun 2020 ini.

Kita telah melalui seribu satu perjalanan yang penuh pancaroba sepanjang tahun 2020. Senario pengajian tinggi global pada masa ini amat terkesan dengan pandemik COVID-19 yang melanda. Tempoh krisis dan pemulihan yang berpanjangan memerlukan kita untuk mencari solusi yang lebih kreatif dan inovatif bagi memastikan kelestarian institusi pendidikan tinggi terpelihara. Terdapat pelbagai cabaran yang harus kita depani bersama. Namun tidak dapat dinafikan bahawa pandemik ini telah mengubah norma dan amalan biasa dalam setiap aspek kehidupan kita. Hikmahnya, kita menjadi lebih inovatif, anjal dan dinamik serta berupaya menyesuaikan diri dari segi cara pemikiran, gaya hidup serta budaya kerja kita.

Bersama dengan inisiatif Kerajaan, Pengurusan Universiti telah mengambil tindakan dengan pantas dalam menerapkan strategi krisis untuk melindungi staf dan para pelajar. Pembelajaran dalam talian juga dilaksanakan bagi memastikan proses dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) terus berjalan lancar. Pengaplikasian PdP secara

maya memerlukan kemahiran, pengetahuan dan seterusnya meningkatkan kemahiran teknologi maklumat untuk pengembangan ilmu dalam kalangan pensyarah dan pelajar seterusnya sejajar dengan harapan Kerajaan untuk mendepani cabaran di era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

Selain itu, kecemerlangan sesebuah institusi bertitik tolak daripada pemantapan tadbir urusnya. Wacana mengenai perkara ini bukanlah sesuatu yang baharu, malah KPT telah menyatakan perkara ini dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan melalui penghasilan Buku Hijau – *Enhancing University Board Governance and Effectiveness* yang membicarakan secara khusus mengenai tadbir urus Universiti yang baik. Pihak Universiti mengambil inisiatif dalam membuat penambahbaikan secara berterusan khususnya dalam aspek pengurusan kewangan; pengurusan projek; tadbir urus anak syarikat dan beberapa perkara lain.

Selaras dengan itu, penstrukturan semula organisasi UniMAP telah disemak semula pada tahun 2020 dan dibuat penambahbaikan agar UniMAP mempunyai satu struktur yang lebih mantap dan dapat mencapai hala tuju strategik seperti yang digariskan oleh pihak Universiti. Warga UniMAP perlu bijak mengimbangi tuntutan semasa, memiliki semangat dan daya juang yang tinggi agar dapat merealisasikan agenda transformasi negara serta mendepani pelbagai cabaran pada masa hadapan. Persekitaran yang begitu dinamik ini memerlukan kita untuk menyanggah pendekatan konvensional dengan

menampilkan idea-idea unik di luar kebiasaan yang dapat mengukuhkan jentera pentadbiran Universiti secara holistik.

Dalam pengukuhan ekosistem pengajian tinggi, aliran pendidikan TVET turut diangkat sebagai aliran pendidikan pilihan utama pelajar. Usaha ini digarap melalui pemantapan penjenamaan, peningkatan kualiti kurikulum, peningkatan kolaborasi dengan industri, pemantapan tadbir urus dan pertambahan penajaan kepada graduan TVET.

Sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP, saya mengambil kesempatan di sini untuk menjunjung kasih kepada DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Canselor UniMAP dan DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Pro-Canselor yang telah memainkan peranan besar dalam menyemarakkan lagi program budaya ilmu dan kesarjanaan di UniMAP. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor, Ahli-ahli Senat Universiti, pegawai-pegawai kanan, staf dan mahasiswa yang telah bersama-sama berusaha dalam mencapai misi dan visi Universiti. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini menyeru semua warga UniMAP supaya bersama-sama mendepani apa jua cabaran yang mendatang dalam usaha melahirkan insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara.



**Raja Dato' Azwane Raja Ariff**  
Pengerusi Lembaga Pengarah